

## GERAKAN ANTI-HADIS DI MEDIA ELEKTRONIK: KASSIM AHMAD

**ANTI-HADITH MOVEMENT IN ELECTRONIC MEDIA: KASSIM AHMAD**

Nik Zulaikha binti Zulkifli<sup>1</sup>  
Nur Fatin Aliah binti Nordin<sup>2</sup>  
Nurul Husna Amani binti Mohd Abduh<sup>3</sup>  
Maisarah Saidin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Faculty Quran and Sunnah Studies, University Sains Islam Malaysia (USIM), (zulaikha10062000@gmail.com)

<sup>2</sup>Faculty Quran and Sunnah Studies, University Sains Islam Malaysia (USIM), (norfatinaliah68@gmail.com)

<sup>3</sup>Faculty Quran and Sunnah Studies, University Sains Islam Malaysia (USIM), (husnaabduh99@gmail.com)

<sup>4</sup>Faculty Quran and Sunnah Studies, University Sains Islam Malaysia (USIM), (maisarah@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 7-8-2023  
**Revised date** : 8-8-2023  
**Accepted date** : 25-9-2023  
**Published date** : 15-10-2023

### To cite this document:

Zulkifli, N. Z., Nordin, N. F. A., Mohd Abduh, N. H. A., & Saidin, M. (2023). Gerakan anti-hadis di media elektronik: Kassim Ahmad. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 42 - 50.

**Abstrak:** Golongan anti hadis bukanlah suatu yang asing dalam Islam, bahkan gerakannya telah mula bertapak sejak awal permulaan perkembangan Islam lagi. Di Malaysia, gerakan anti hadis dipelopori oleh Kassim Ahmad. Pemikiran beliau sedikit sebanyak telah mempengaruhi orang ramai seterusnya menyebabkan kesalahfahaman dan menimbulkan kekeliruan masyarakat awam terhadap as-Sunnah. Kassim Ahmad juga dilihat sebagai antara perintis terhadap golongan di Malaysia yang memulakan kritikan terhadap hadis. Pemikirannya boleh menyebabkan masyarakat yang mengikutinya terpesong dari memahami maksud hadis yang sebenar. Hal ini kerana, dibimbangi masyarakat hanya mendapat maklumat mengenai hadis dari beliau tanpa merujuk ahli agama dan hanya menggunakan logik akal semata untuk memahami sesuatu hadis. Selain itu, buku-buku beliau juga turut mendapat perhatian sehingga ke peringkat antarabangsa, yang juga diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kandungan permasalahan-permasalahan berkaitan agama yang dimuat naik oleh Kassim Ahmad dalam blognya. Disamping itu, kajian ini juga akan mengenapasti aliran pemikiran dan pemahaman Kassim Ahmad ke atas hadis Rasulullah SAW serta menganalisis kritikan para pengkaji ke atas penulisan beliau. Kaedah yang kami gunakan untuk mengkaji pemikiran Kassim Ahmad dan pemikiran anti hadisnya adalah melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis teks bersumberkan kajian kepustakaan seperti jurnal dan artikel yang lepas, blog, tesis, disertasi dan sebagainya. Hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan pemikiran yang dibawakan oleh Kassim Ahmad bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, diharapkan penulisan ini dapat menyedarkan masyarakat tentang bahaya golongan ini yang sentiasa memanfaatkan media elektronik bagi tujuan menyebarkan pemikiran dan ajarannya yang terpesong.

**Kata Kunci:** Kassim Ahmad, Gerakan Anti-Hadis, Media Elektronik

**Abstract:** *The anti-hadith group is not something new in Islam, in fact the movement has been established since the beginning of the development of Islam. In Malaysia, the anti-hadith movement was pioneered by Kassim Ahmad. His thinking to some extent has influenced the public and further caused misunderstandings and caused confusion among the general public about the Sunnah. Kassim Ahmad is also seen as one of the pioneers of the group in Malaysia who started criticizing the hadith. His thinking can cause the society that follows him to deviate from understanding the true meaning of the hadith. This is because, people are worried that they only get information about hadith from him without consulting religious experts and only using common sense logic to understand a hadith. In addition, his books also received attention at the international level, which were also translated into foreign languages. Thus, this study aims to identify the content of religious-related problems uploaded by Kassim Ahmad in his blog. Besides that, this study will also determine Kassim Ahmad's flow of thought and understanding on the hadith of the Prophet PBUH as well as analyzing the criticism of the researchers on his writing. The method we use to study Kassim Ahmad's thoughts and his anti-hadith thoughts is through qualitative research methods. This study will use text analysis methods sourced from literature studies such as past journals and articles, blogs, theses, dissertations and so on. The results of this study found that the view of thought presented by Kassim Ahmad is contrary to al-Quran and al-Sunnah. Therefore, it is hoped that this writing can make the public aware of the dangers of this group who always use electronic media for the purpose of spreading their distorted thoughts and teachings.*

**Keywords:** *Kassim Ahmad, Anti-Hadith Movement, Electronic Media*

## Pengenalan

Anti-hadis adalah golongan yang menolak hadis sebagai sumber kedua dalam Islam. Menurut Dr. Mustafa al-Siba'e, golongan yang tidak menerima hadis muncul pada zaman al-Imam as-Shafie lagi iaitu pada kurun kedua hijrah. Hal ini telah dijelaskan oleh Al-Imam As-Syafie dalam kitabnya Al-Umm. Beliau juga telah memperincikan lagi perbahasan tersebut dalam kitab Ar-Risalah. Pengaruh gerakan anti Hadis ini semakin meningkat apabila semakin ramai yang menyokong pegangan dan kefahaman mereka di samping kewujudan buku, artikel, dan seminar yang berkaitan. Pada abad ke-19 pula, muncul golongan orientalis yang membuat kajian terhadap hadis sehingga Berjaya menimbulkan keraguan terhadap hadis. Corak pemikiran ini bukan sahaja mempengaruhi sarjana Arab, malah kumpulan pemikir dari Asia Tenggara turut terkena tempias. Malaysia juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan golongan anti Hadis.

Di Malaysia, Kassim Ahmad adalah individu yang dikenal pasti sebagai seorang yang mempertikaikan hadis. Beliau mendapat tuduhan sebagai anti hadis sejak tahun 1986 oleh Jabatan Mufti di negeri-negeri melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang (Wan Mohd Fazrul Azdi, et. al. 2015). Dengan seruan agar umat Islam berpegang kepada al-Quran semata-mata tanpa melihat kepada hadis, beliau diisyiharkan sebagai anti hadis (Kassim Ahmad, 2015). Selain itu, pemikiran Kassim Ahmad dalam menafikan Sunnah boleh dilihat dalam bukunya "Hadis One Reassessment" (HSPS). Buku kontroversi ini datang daripada kuliah beliau di Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebuah buku setebal 131 muka surat yang ditulis dalam bahasa Melayu mula diterbitkan oleh Media Intelek SDN BHD, di Petaling Jaya Selangor, Malaysia pada tahun 1986. Kassim Ahmad juga berjaya menempatkan dirinya di media sosial dan media massa dalam pelbagai isu. Namun begitu,

ramai orang tidak menyedari bahawa dalam karya-karya yang dihasilkan beliau telah mentafsirkan nas-nas al-Quran, tidak mengikut kaedah yang digariskan oleh para ulama.

### **Kajian Lepas**

Terdapat 5 subtopik yang akan dibincangkan dalam kajian lepas iaitu definisi, Latar Belakang, Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan Golongan Anti-Hadis, Pemikiran Anti-Hadis Dalam Penulisan Blog Kassim Ahmad dan juga Kepengaruan Tulisan Kassim Ahmad Ke Atas Pemikiran Orang Yang Membacanya

#### **Definisi Hadis**

##### **Hadis**

Hadis merupakan kata asal dari perkataan (حدث) yang bermaksud baru atau cakap atau berita. Jelaslah di sini bahawa Hadith membawa maksud perkhabaran atau perbualan dan cerita, sama ada yang berkaitan keagamaan atau keduniaan, yang telah berlaku atau yang sedang berlaku. Sementara dari sudut istilah Hadith membawa maksud sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. sama ada dari segi perkataan, perbuatan (kelakuan), pengakuan (اقرار) atau sifat, sama ada yang berlaku sebelum baginda diangkat menjadi rasul atau selepas diangkat menjadi rasul. Al-Hadith menurut kebanyakan ulama' juga merangkumi apa-apa yang disandarkan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w atau tabi'i, ini termasuklah apa yang disandarkan terus kepada Rasulullah s.a.w (مرفوع), atau yang disandarkan kepada sahabat (موقوف), dan yang disandarkan kepada tabi'in (مقطوع).

#### **Definisi Anti-Hadis**

##### **Anti-Hadis**

Anti-Hadis merupakan orang-orang yang menolak Hadis secara total sebagai sumber Islam. Fahaman anti-Hadis ini sebenarnya mempunyai pegangan yang tidak mempercayai Hadis sebagai sumber epistemologi Islam selepas al-Qur'an. Penghujahan golongan yang berfahaman anti-Hadis ini bahawa al-Qur'an sebagai kitab yang lengkap dan sempurna telah menolak sumber-sumber lain sebagai sumber perundangan Islam. Untuk menguatkan hujah mereka, beberapa ayat al-Qur'an cuba diselewengkan tafsirannya. Kebanyakan penyelewengan mereka melibatkan soal akidah, politik, dan feqah.

Serangan musuh-musuh Islam ini tidak dapat ditujukan kepada al-Quran kerana Allah SWT telah berjanji untuk memeliha al-Quran daripada penyelewengan dan pemalsuan (al-Hijr: 9). Oleh itu, serangan yang dilakukan adalah terhadap autoriti hadis Rasulullah S.A.W.

#### **Latar Belakang Kassim Ahmad**

Kassim Ahmad telah dilahirkan pada 9 September 1933 bersamaan 19 Jamadil Akhir 1352 Hijrah, di Kampung Kubang Tampang, Bukit Pinang, Kedah. Ayahnya Ahmad bin Ishak merupakan seorang guru agama, manakala ibunya Ummi Kalsom Haji Ahmad merupakan seorang suri rumah. Kassim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Bandar Baharu. Kemudiannya beliau berjaya menyambung pengajiannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan seterusnya meneruskan pengajiannya ke Universiti Malaya diSingapura. Ketika di universiti, beliau telah menyertai Kelab Sosialis Universiti Malaya (Hasri t.t.). Beliau meninggal pada 10 Oktober 2017

Sejak kecil dia mempunyai impian untuk menjadi seorang penulis. Semasa di sekolah menengah, dia mula menulis di akhbar. Bakat ini juga menjadi faktor beliau bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di Young Road, Kuala Lumpur. Kemudian, dia ditawarkan menjadi pensyarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sekolah Oriental dan Kajian Afrika (SOAS), Universiti London dan bekerja di sana selama empat tahun. Disebabkan tarikan politik, beliau menolak tawaran pekerjaan tetap dengan SOAS (Hasri, t.t.).

Pada tahun 1966 beliau kembali ke Malaysia, beliau cuba memohon untuk mengajar di Universiti Malaya tetapi gagal. Beliau kembali ke Pulau Pinang dan bekerja sebagai guru sementara di Sekolah Abdullah Munshi, Pulau Pinang dan pada masa sama aktif dalam Parti Rakyat Malaysia (PRM) pimpinan Ahmad Boestaman. Selepas peristiwa berdarah 13 Mei, beliau bekerja sebagai guru dan penterjemah bebas (Kassim, 2011).

## **Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan Golongan Anti-Hadis**

### **Sejarah Kemunculan Golongan Anti-Hadis**

Pada zaman Rasulullah s.a.w, awal-awal kemunculan golongan ini dapat ditinjau di kalangan kaum Quraisy yang telah mendustakan ajaran Baginda serta melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Namun, mereka tidak dikategorikan sebagai anti hadis kerana telah nyata akidah mereka bertentangan dengan ajaran islam itu sendiri. Sejarah telah mencatat bahawa pemikiran anti-hadis telah bermula sejak zaman sahabat (Ghazali, Yusof & Sawari, 2016). Pada zaman Sahabat RA, ada seorang lelaki bernama Umaiyyah bin Khalid yang cuba menyelesaikan semua masalah dengan hanya merujuk kepada al-Quran. Beliau telah membincangkan perkara tersebut dengan Abdullah bin Omar RA. Namun, Ibn 'Umar RA mengingatkannya supaya menerima dan melakukan apa sahaja yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun, ia masih dalam skop pendapat peribadi seseorang dan tidak berkembang menjadi kumpulan atau pergerakan. Namun dengan kebijaksanaan para sahabat, masalah ini dapat diselesaikan.

Seterusnya, pada kurun kedua hijrah golongan anti hadis telah muncul secara berkelompok. Golongan ini cenderung kepada dua perkara iaitu penolakan terhadap hadis yang bukan Mutawatir seperti hadis ahad, dan seterusnya mereka yang mendakwa Sunnah itu bukanlah tafsiran atau pengukuhan al-Quran, malah dianggap sebagai hukum yang bebas daripada al-Quran (Muhammad Ali Rahibin, 2012). Namun ia telah ditangani dengan jayanya oleh Imam al-Shafie. Beliau berjaya mematahkan pandangan-pandangan palsu yang dikemukakan oleh golongan anti-hadis sehingga mereka bersetuju dengan hujah-hujah beliau dan berpegang kepada hadis Rasulullah s.a.w. Menurut Dr. Mustaffa al-SibaCie (1985), Imam al-Shafie r.h.m adalah orang yang pertama berdepan dengan golongan ini, beliau telah memuatkan perdebatannya dengan seorang yang dikenali sebagai anti hadis dalam bukunya al-Um. Beliau juga telah membincangkan berkenaan dengan hadis ahad di dalam kitabnya al-Risalah (Ghazali, Yusof & Sawari, 2015).

Selepas kurun ke 11 Hijrah, muncul semula fahaman ini yang digerakkan oleh sekumpulan Orientalis di Iraq dengan slogan menolak hadis. Perkara yang sama berlaku di Mesir pada zaman Sheikh Mohammad Abduh (1849-1905). Ini kerana cepatnya keraguan yang ditimbulkan di dalam hati sebahagian umat Islam apabila penjajah Barat menjajah negara mereka sendiri. Tujuan utamanya adalah untuk melumpuhkan kuasa umat Islam yang ketika itu berada dalam keadaan lemah. Berdasarkan itu, Tawfiq Sidqi telah menulis dua artikel dalam majalah al-Manar nombor 7 dan 12 bertajuk ajaran Islam adalah al-Quran sahaja. Beliau telah mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dengan motif agar umat islam tidak berpegang

kepada hadis. Dalam artikel tersebut beliau menyatakan bahawa tingkah laku Nabi Muhammad s.a.w tidak dimaksudkan untuk ditiru secara keseluruhan oleh umat Islam.

### **Perkembangan Anti-Hadis Di Malaysia**

Di Malaysia, golongan Anti Hadis ini mula dikesan sekitar tahun 1985 (Ahmad Sanusi et. al.2011). Gerakan ini giat menyebarkan pemahaman, idea dan pandangan mereka bukan sahaja melalui medium penulisan seperti buku, risalah, internet dan blog, tetapi juga melalui medium lain seperti mesyuarat perbincangan, forum, ceramah dan sebagainya yang dianggap cuba menafikan kewibawaan hadis, mempertikaikan kesahihannya dan juga melemparkan tuduhan liar terhadap hadis tersebut. Gerakan anti hadis di Malaysia telah dipelapor oleh Kasim Ahmad dibantu oleh Abdul Manan Harun dan Othman Ali (Ahmad Sanusi et. al.2011). Kumpulan ini terpengaruh dengan pemikiran Dr Rasyad Khalifah iaitu warga mesir yang menetap di Amareka. Kassim Ahmad terlihat sangat terkesan dengan pemikiran yang dibawa oleh Dr. Rasyad Khalifah lalu menulis buku kontroversi yang bertajuk 'Hadis: Satu Penilaian Semula'. Beliau begitu lantang melaungkan penolakan terhadap hadith dan kebergantungan hanya kepada Al-Quran semata (Mohd Ali Haji Zainal, 2005: 29).

Setelah terbit buku "Hadis Satu Penilaian Semula" karangan Kasim Ahmad, para cendikiawan Islam di Malaysia telah bangkit menjawab dan mengkritik buku tersebut. Banyak buku-buku telah diterbitkan sebagai jawapan kepada buku Hadis Satu Penilaian Semula. Walau bagaimanapun buku ini telah pun diharamkan melalui Warta Kerajaan bertarikh 10 Julai 1986 (Himpunan Fatwa Negeri Melaka, 1986-2005: 30). Walaupun buku tersebut telah pun diharamkan, ianya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Syed Akbar Ali dan bahan tersebut mudah didapat di dalam internet.

Pada Oktober 1992, Kassim Ahmad sekali lagi telah mencetuskan kontroversi dan kemarahan umat Islam apabila beliau menulis sebuah buku yang bertajuk "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. bagi menjawab kritikan-kritikan ke atasnya serta mempertahankan idea dan pandangannya (Ahmad Sanusi et. al.2011). Kerajaan sekali lagi telah mengharamkan buku tersebut melalui Warta Kerajaan (Himpunan Fatwa Negeri Melaka, 1986-2005: 30). Selain itu, Kassim Ahmad juga telah menujuhkan persatuan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) pada 11 June 1995, tetapi gagal kerana pendaftarannya ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Akibat tentangan dan tekanan Gerakan ini menyepi seketika.

Bermula pada era abad ke-21, kumpulan ini dilihat aktif menyebarkan pemikiran mereka melalui laman web peribadi mereka. Bertepatan dengan perkembangan semasa internet menjadi medium utama penyebaran corak pemikiran yang dibawa. Malah idea yang dibawa oleh gelombang kedua ini dilihat jauh berkembang daripada idea yang dimulakan oleh kumpulan Kassim Ahmad. Kelompok yang kedua ini dilihat begitu agresif dalam menjawab soalan yang diajukan kepada mereka. Kebergantungan mereka kepada akal di dalam memahami ayat-ayat al-Quran sangat tinggi sehingga setiap ayat boleh ditafsirkan oleh setiap dari mereka(Ahmad Sanusi et. al.2011).

Pada tahun 2014 beliau telah muncul kembali dengan membentangkan beberapa pendapat politik beliau yang mempunyai elemen-elemen anti hadis semasa memberi ucapan dalam ucaptama Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Ucapan beliau bertajuk Ucapan Kepada

Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang (Wan Mohd Fazrul Azdi et. al.2015)

### Pemikiran Anti-Hadis Dalam Penulisan Blog Kassim Ahmad

#### Warisan Nabi Hanyalah Al-Quran

Golongan anti-Hadis menolak dan langsung tidak menerima apa-apa sahaja kata-kata Nabi. Hadis memang tidak diterima golongan ini kerana mereka menganggap hanya Al-Quran sebagai sumber yang asli yang berautoriti dan boleh dipercayai. Al-Quran adalah sumber inspirasi yang tidak pernah pudar bagi pengkajinya. Dalam ayat ini, Allah swt mendatangkan satu kisah mengenai Nabi Musa yang sangat memberi motivasi dan inspirasi serta cukup untuk menyuntik semangat memburu ilmu, tidak hanya ke negeri China, malah sampai ke hujung dunia sekalipun

Daripada Yahya bin Abi Kathir, dikatakan:

مِيرَاثُ الْعِلْمِ خَيْرٌ مِنْ مِيرَاثِ الدَّهْبِ ، وَالنَّفْسُ الصَّالِحَةُ خَيْرٌ مِنَ الْلُّؤْلُؤِ ، وَلَا يُسْتَطِعُ الْعِلْمُ بِرَاحَةَ الْجَسَدِ  
"Warisan ilmu itu lebih baik daripada warisan emas, jiwa yang solehah lebih baik daripada permata lu'lu', dan tidaklah mampu diperolehi ilmu dengan kerehatan tubuh badan".

#### Para Nabi Mewariskan Ilmu Bukan Harta

Ini adalah warisan kemuliaan, warisan ilmu, warisan kenabian, warisan petunjuk yang Allah turunkan kepada mereka. Jadi para-Nabi dan para Rasul tidak mewariskan harta, tidak uang emas, tidak juga perak. Yang mereka wariskan adalah kemuliaan ilmu karena itulah kemuliaan yang sesungguhnya di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala.

إِنَّ الْأَئِمَّةَ لَمْ يُورِثُوا دِينًا وَلَا يَرِثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظِّ وَافِرٍ

#### Hadis Tidak Mentafsir Al-Quran

Kassim Ahmad: "Tengoklah.. tengok kamuslah.. dia bagi semua makna.. ataupun ayat alQuran ni dia jelaskan antara satu dengan lain. Bukan hadis menjelaskan al-Quran, itu kaedah tradisional. Mereka kata hadis menghuraikan al-Quran. Hadis kalau kita ambil pun sebagai Nabi Muhammad punya cakap.. mana Nabi Muhammad nak tahu apa yang akan dating (Temu Bual Kajian Secara Langsung, 2015).

Kata beliau lagi: Sesetengah orang juga mendakwa hadis mentafsirkan Al-Qur'an. Kita tahu isi kandungan Al-Qur'an itu banyak yang tidak diketahui oleh Nabi Muhammad sendiri, khasnya tentang kejadian langit dan bumi dan tentang masa depan. Nabi Muhammad menerima wahyu dari Tuhan dan tanggungjawab beliau ialah menyampaikan wahyu ini kepada manusia bukan menghuraikannya (Mesyuarat Agung Forum Iqra' ke 6, 2007).

Kassim Ahmad memberi empat ayat al-Quran yang didakwa menafsirkan Al-Qur'an. Pertama, dari surah al-Rahman ayat 1 dan 2 yang menerangkan bahawa Tuhanlah yang menerangkan al-Quran. Kedua, surah Ali 'Imran ayat 7, berkaitan dengan ayat mutasyabihat atau kiasan, Tuhan menyatakan bahawa tiada yang mengetahui tafsirannya kecuali Dia dan mereka yang pakar dalam hal ini. Ketiga, dari surah al-Qiyamah ayat 16 hingga 19. Tuhan memberitahu kita bahwa Dia dan agen-agennya (kata nama "Kami" bagi Tuhan) akan menghuraikan al-Quran. Termasuk nabi dan rasul dan mereka yang Tuhan

beri Hidayah. Keempat, dari surah al-Fathir ayat 32, Orang yang diberi kebolehan untuk mentafsir al-Quran ialah mereka yang dipilih dari hambaNya.

Berdasarkan empat ayat al-quran tersebut, Kassim ahmad membuat keputusan bahwa tidak logic dan tidak munasabah Nabi Muhammmad S.A.W. mentafsir al-Quran pada zaman tersebut kerana ilmu dan kefahaman baginda pada masa itu terhad. Fahaman yang salah ini menyebabkan sebahagian daripada tafsir al-Quran kabur dan salah.

Selain itu, Kassim ahmad juga menyatakan seperti berikut: "Kita mesti ada satu kaedah yang saintifik untuk mentafsirkan ayat-ayat Quran itu supaya ia benar-benar menjadi bimbingan kepada umat Islam dan seluruh dunia. Kaedah saintifik ini pada dasarnya bermakna Quran itu menjelaskan dirinya sendiri, yakni ayat mentafsirkan ayat, bukan seperti kaedah tradisional yang mendakwa Hadis mentafsirkan Quran"(Teks Ucapan Kassim Ahmad). Di sini kita dapat lihat dengan jelas kekeliruan yang dizahirkan oleh Kassim Ahmad kerana mendakwa bahawa kaedah saintifik yang baru ditemuinya pada kurin ke-15 hijrah boleh membatalkan kaedah tafsir al-Quran yang berakar umbi sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Kaedah saintifik yang beliau dakwa ini juga merupakan kaedah yang diambil daripada Dr. Rashad Khalifa iaitu Kod 19 seperti yang telah dijelaskan dalam kedua-dua bukunya sebelum ini iaitu Hadis: Satu Penilaian Semula dan Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. Bukan sahaja kaedah Kod 19 Dr. Rashad Khalifa ini telah banyak menyeleweng kerana melanggar prinsip dan usul tafsir.

### **Tuduhan Terhadap Imam Al Shafie**

Imam Syafie dianggap sebagai orang yang membawa doktrin bahawa hadis adalah sumber hukum Islam yang kedua selepas Al - Quran. Kassim Ahmad berpendapat bahawa Imam Shafi'e itulah yang telah menciptakan doktrin bahawa undang-undang Islam berdasarkan dua sumber utama, iaitu Quran dan Hadis dengan menyalah-tafsirkan ayat 4: 59. Ayat ini berbunyi: "Hendaklah kamu taat kepada Allah, dan hendaklah kamu taat kepada rasul, dan kepada mereka yang berkuasa di antara kamu ..." Makna ayat ini sebenarnya: Orang Islam wajib berpegang kepada Quran sebagai sumber hukum yang pertama; pihak berkuasa boleh membuat undang-undang tambahan dengan syarat undang-undang tambahan ini tidak bercanggah dengan ajaran Quran.

Di antara tarikh kewafatan Nabi Muhammad (632 T.M.) dengan kemunculan doktrin baru yang digubal oleh Imam Shafi'e (m. 827), umat Islam berpegang kepada Quran, dan amalan-amalan Nabi Muhammad yang benar-benar sahih, seperti Piagam Madinah, Perjanjian Hudaibiyah, surat-surat beliau kepada pembesar-pembesar Parsi dan Romawi dan sebagainya, diterima sebagai precedent atau kebiasaan yang boleh diikut, jika sesuai, tetapi tidak diwajibkan. Yang mewajibkan itu, dengan doktrin dua sumber utamanya, Imam Shafi'e. Mungkin Imam Shafi'e mempunyai sebab-sebab tertentu mewajibkan Hadis, tetapi apa yang nyata, doktrin beliau menyalahi ajaran Quran mengikut pandangan Kassim Ahmad. Hanya selepas menghalalkan Hadis sebagai sumber hukum bersama dengan Quran, barulah pengumpul-pengumpul Hadis muncul. Hakikat ini disahkan oleh pengkaji-pengkaji Hadis, sama ada dari kalangan sarjana Islam atau bukan Islam.

Kassim Ahmad menjelaskan bahawa sesetengah sarjana Islam cuba hendak menyatakan bahawa Hadis wujud sejak zaman Nabi lagi. Ini tidak benar, kerana tiada siapa boleh menafikan bahawa apa yang dinamakan Enam Buku Sahih oleh kaum Sunni timbul hanya selepas Imam Shafi'e membuat doktrin barunya dengan Sahih Bukhari, Sahih Muslim, dan lain-lain. Demikian juga bagi kaum Syi'ah dengan kumpulan-kumpulan Hadis mereka. Walapun Tuhan telah

mengisyiharkan bahawa Dia tidak lupa untuk menyebut semua perkara yang kita perlukan sebagai panduan, kaum Ahlul-Hadis mendakwa Quran saja tidak cukup. Kassim Ahmad berkata mereka mendakwa umat Islam memerlukan Hadis untuk mentafsirkan Quran.

### **Kepengaruhann Tulisan Kassim Ahmad Ke Atas Pemikiran Orang Yang Membacanya**

Antara penulisan Kassim Ahmad yang bertajuk Hadis: Satu Penilaian Semula yang diterbitkan pada tahun 1984 merupakan tulisan pemikiran beliau yang kontroversi. Tulisan ini mendokong pemikiran beliau yang membawa pengaruh Anti-Hadis kerana mempersoalkan peranan dan kedudukan hadis sebagai sumber kedua bagi agama Islam. Kassim Ahmad menyatakan bahawa hadis menjadi punca terhadap perpecahan antara umat Islam dan juga membawa kepada penyelewengan terhadap Al-Quran. Kendatipun, Kassim Ahmad menyangkal dakwaan yang mengatakan bahawa beliau seorang Anti-Hadis. Beliau menyatakan pendiriannya yang tidak menolak hadis secara total dan cogan kata ‘ikut Quran’ tidak bermakna penolakan hadis (Kassim Ahmad 2014: 457). Walau bagaimanapun, penulisan terhadap pemikiran beliau jelas menunjukkan bahawa beliau seorang Anti-Hadis. Apatah lagi, Kassim Ahmad meletakkan kedudukan hadis sama seperti ilmu-ilmu yang lain dan ianya boleh dicabar (Kassim Ahmad 2014: 458).

### **Metodologi**

Kaedah yang kami gunakan untuk mengkaji pemikiran Kassim Ahmad dan pemikiran anti hadisnya adalah melalui kaedah penyelidikan kualitatif. pengumpulan maklumat yang dibuat untuk mendapatkan maklumat awal yang berkaitan dengan anti hadis terdiri daripada pelbagai rujukan yang berbentuk ilmiah. Penyelidikan perpustakaan digunakan dalam mendapatkan data yang relevan dan bahan rujukan serta informasi yang benar seperti rujukan buku, artikel dan laman web yang berkaitan.

### **Hasil Kajian**

Hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan yang dibawakan oleh Kassim Ahmad bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini berharap dapat memberi pengajaran dan kesedaran kepada masyarakat bahawa ajaran sesat boleh mendatangkan keburukan. Selain itu, masyarakat dapat menangani dan membanteras penyebaran ajaran sesat khususnya di Malaysia serta lebih peka dengan kewujudan dan perkembangan ajaran sesat supaya tidak mudah menerima ajaran dan fahaman yang salah.

### **Kesimpulan**

Pemikiran yang disampaikan oleh gerakan anti hadis telah mula menular di dalam laman-laman web di seluruh dunia. Kassim Ahmad melalui tulisan di blognya telah terpengaruh dengan ideologi dalam usahanya untuk menguasai dunia Islam. Melalui pemikirannya, Kassim Ahmad tidak mahu untuk mengikut pandangan ulama-ulama muktabar kerana sifat tidak percaya beliau terhadap pandangan ulama. Beliau beranggapan para ulama telah menghalang pemikiran secara kritis di kalangan masyarakat. Pandangan Kassim Ahmad hanya menerusi logik akal dan andaian semata-mata. Hal ini sepatutnya memerlukan kepelbagaiannya dalam proses penafsiran dan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan agar tidak terpesong daripada maksud sebenar yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Penafsiran yang telah dilakukan oleh ulama hendaklah dijadikan sebagai sumber untuk memahami hadis. Kegagalan mengikuti sumber yang digariskan oleh ulama boleh menyebabkan berlaku salah faham dan penyelewengan pandangan yang disebarluaskan oleh Kassim Ahmad. Oleh itu, masyarakat perlu merujuk kepada penafsiran ulama agar tidak bertaklid dengan pandangan yang bercanggah dan tidak selari

dengan ajaran Islam kerana boleh membawa kerosakan dan penyelewengan ajaran Islam kepada masyarakat.

## Rujukan

- Azmi A. S., Ismail M. Y. & Nor Z. M. (2011). Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet. *Jurnal Penyelidikan Islam*.
- Rajali Md H. (t.t). Pemikiran Kassim Ahmad Terhadap Sosialisme: Suatu Tinjauan Awal, Tahun 1968 –1984.
- Rahman K. A. A. (2017). Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadis. E- Proceeding of the 2nd INHAD Internatinal Muzakarah & Muktamar on Hadith.
- Zainal M. A. H. (2005). Himpunan Fatwa Negeri Melaka (1986-2005), Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Himpunan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Melaka (1986-2005). (t.t.) Fatwa 4: Golongan Anti Hadis. Dilayaripada: 30 November 2022 dari [http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/pdf/anti\\_hadith.pdf](http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/pdf/anti_hadith.pdf)
- Razali M. F. A, Ghazal M. R., Resedi M. A. I.& Muhamram F. (2015). Elemen Anti Hadis Dalam Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Oleh Kassim Ahmad: Satu Penilaian. Al-'Abqari Journal, 6, 7-34.
- Jebat (2014). Teks Ucapan Kassim Ahmad di Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad Serta Komentar Dr. Ustaz Fathul Bari Mengenai Pemikiran Anti Hadis. Perenggan ke- 39. Dilayari pada: 20 Disember 2022 dari <https://www.penaminang.com/2014/02/teks-ucapan-kassim-ahmad-di-seminar.html>
- Ghazali, M., Md. Sawari, S., & Yusuf, M. (2015). "The Severity of Anti Hadith Groups (AHG) Thought: Solutions, Challenges andBarriers". Mediterranean Journal Of Social Sciences, 6(3S2), 127. Diakses dari: <http://www.mcserv.org/journal/index.php/mjss/article/view/6473/6203>.
- Muhammad Ali Rahibin. (2012). Menyingkap Tabir Kegalauan Dari Perspektif Hadis. Jakarta: Darul Zikir.
- Muhiden Mohd, (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. Jurnal Universiti Malaya.
- Abur Hamdi Usman, Wazir R., Nasir N., Sudi S., (2016). Golongan Anti-Hadis: Isu dan Cabaran. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016, Institut Kajian Hadith-INHAD.
- Rado Rodja, (2020). Para Nabi Mewariskan Ilmu Bukan Harta. <https://www.radiorodja.com/48556-para-nabi-mewariskan-ilmu-bukan-harta/>
- Editor Yadim, (2017). Bahaya Pemikiran Golongan Antihadis. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/bahaya-pemikiran-golongan-antihadis/>
- Ahmad, Kassim. (2013). Menziarahi Semula Hadith. [https://www.goodreads.com/author\\_blog\\_posts/3720485-menziarahi-semula-hadis](https://www.goodreads.com/author_blog_posts/3720485-menziarahi-semula-hadis)